

Mahathir
Dr. Oversea
beritahu
PBB *trips.*

Malaysia akan terus gantung pedang dadah

30 SEP 1986

NEW YORK 29 Sept. — Perdana Menteri Malaysia Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu Bangsa - Bangsa Bersatu hari ini bahawa Malaysia akan terus menggantung pedang - pedang dadah dan sanggup menjadi tidak popular kerananya.

Katanya Malaysia adalah komited kepada peperangan menentang penyalahgunaan dadah dalam apa jua bentuk.

"Kami telah dan akan terus menggantung pedang - pedang dadah mengikut undang - undang negara kami tanpa mengira keturunan dan warna kulit.

"Kami sanggup untuk menjadi tidak popular kepada sesuatu pihak dari menjadi talem dua muka. Hanya dengan penjenayah - penjenayah di bidang ini tahu bahawa mereka tidak akan hidup untuk menikmati hasil mereka sahajalah mereka akan berhenti dari melakukan kerja mereka.

"Hukuman mati adalah yang adil bagi penjenayah - penjenayah ini kerana hanya kematian akan menamatkan pembawa kesengsaraan dan kematian," tegasnya.

Beliau menyeru masyarakat antarabangsa mengiyatirkan perang terhadap penyalahgunaan dadah dan pedang - pedang dadah.

Beliau mahukan agar persidangan dadah antarabangsa yang akan diadakan di Vienna pada bulan Jun akan datang tidak sahaja akan menghasilkan tindakan yang tertentu tetapi juga satu penglibatan politik yang tegas dari negara - negara yang mengambil bahagian di peringkat tertinggi untuk melakukan apa sahaja yang boleh bagi memerangi masalah itu.

Peperangan habis - habis an mestilah dilancarkan terhadap dadah dan peperangan ini mestilah menjadi peperangan antarabangsa, katanya.

Beliau menambah, bahawa peperangan untuk menghancurkan masalah dadah adalah terlalu besar dan terlalu mahal untuk dihadapi secara bersendirian oleh negara - negara di mana dadah dikeluarkan.